

152

SOALAN NO: 257

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

SOALAN:

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja-pekerja yang diberhentikan pada tahun 2015,2016 dan 2017 mengikut sektor ekonomi dan yang diramalkan untuk tahun 2018.

PR-1353-T01398

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Pada tahun 2015 seramai 38,499 pekerja telah diberhentikan. Manakala bagi tahun 2016, seramai 37,699 pekerja diberhentikan. Pada tahun 2017 pula, seramai 26,638 pekerja diberhentikan bagi tempoh Januari hingga Ogos 2017. Tindakan pemberhentian yang telah dilaksanakan adalah sama ada secara pemberhentian secara biasa (*retrenchment*) atau pemberhentian pekerja secara sukarela (VSS).

2. Pada tahun 2015 pemberhentian pekerja tertinggi dilaksanakan di sektor kewangan dan insurans / takaful iaitu seramai 17,628 (45.8%) pekerja. Manakala bagi tahun 2016, sektor pembuatan merekodkan pemberhentian pekerja tertinggi iaitu seramai 17,287 (45.8%) pekerja. Manakala, sehingga bulan Ogos 2017, pemberhentian tertinggi juga direkodkan di sektor pembuatan iaitu seramai 20,200 (75.8%) pekerja yang terlibat.

3. Terdapat beberapa sebab tindakan pemberhentian pekerja dilaksanakan oleh pihak majikan adalah seperti berikut:-

- (a) ketidakstabilan pasaran ekonomi nasional dan global;
- (b) tiada permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan;
- (c) pemaksimuman teknologi maklumat dan komunikasi;
- (d) penutupan perniagaan sepenuh / sebahagiannya;

- (e) pengecilan tenaga kerja;
- (f) pengambilalihan syarikat;
- (g) penstrukturan semula organisasi; dan
- (h) penggabungan syarikat.

4. Situasi kejatuhan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan kesan daripada kenaikan harga minyak peringkat global, pemaksimuman teknologi maklumat dan komunikasi serta penjualan anak syarikat yang tidak menghasilkan keuntungan dijangka masih memberi impak kepada Sektor Kewangan dan Insurans / Takaful, Sektor Pembuatan dan Sektor Industri Minyak & Gas pada tahun 2018.